

Mahasiswa perlu meneruskan ilmu yang diperolehi di universiti

UB 8.10.2017 BH

LABUAN: Mahasiswa disaran agar meneruskan ilmu yang dipelajari dan diperolehi di universiti walaupun sudah menamatkan pengajian di

menara gading.

Saranan itu dinyatakan oleh Timbalan Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Prof Madya Dr

Geoffrey Harvey Tanakinjal ketika menyempurnakan majlis penutupan Minggu Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) @ PPIB Week

2017 di Dewan Kuliah Pusat, baru-baru ini.

Turut hadir Penyelaras PPIB, Dr Romzi Ationg, pensyarah dan pelajar PPIB.

Kira-kira 550 pelajar menyertai pelbagai pertandingan sempena *PPIB Week* yang diadakan sejak 2 Oktober.

Dr Geoffrey berkata, ilmu yang diberikan pensyarah sukar diperolehi lagi kerana selepas menamatkan pengajian, mahasiswa perlu menghadapi cabaran dalam kerjaya dan kehidupan berkeluarga.

Selain itu, beliau mencadangkan supaya *PPIB Week* dibuka kepada masyarakat setempat khususnya yang melibatkan penduduk di 27 buah kampung di Wilayah Persekutuan

Labuan di samping pelajar sekolah rendah dan menengah serta belia.

Pada masa sama, Dr Geoffrey mahu mahasiswa turut menguasai lebih daripada satu bahasa bagi memudahkan mereka melepasi temuduga.

"Saya menasihatkan mahasiswa supaya mengamalkan nilai-nilai murni ketika berhadapan dengan orang lain termasuk pensyarah, rakan-rakan dan masyarakat tempatan," katanya.

Sementara itu, menurut Dr Romzi, *PPIB Week 2017* yang julung kalinya diadakan mahu menterjemahkan slogan PPIB

'Menginsankan Manusia' kepada pelajar UMS Labuan sendiri.

"*PPIB Week* diadakan untuk memperkenalkan kursus yang ditawarkan PPIB di UMS Labuan kepada pelajar baharu sesi 2017/2018," katanya.

Pelbagai aktiviti diadakan termasuk tayangan video, pameran poster, pameran karya bercetak, pameran keratan akhbar, pertandingan sahaja Bahasa Arab, kuiz alam sekitar, *story telling* Kadazandusun, pertandingan pembentangan, *public speaking*, *kahoot game* dan mencari harta karun.



GEOFFREY (enam kiri) dan Romzi (lima kiri) serta pensyarah bersama pelajar yang memenangi pelbagai pertandingan sempena PPIB Week 2017.